

# ASN lancar strategi baru

Oleh **ROKIAH KADIR**

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Amanah Saham Nasional (ASN) akan memperkenalkan satu strategi pemasaran baru membolehkan bakal pelabur tidak perlu pergi ke ejen yang dilantik untuk memulakan pelaburan pokok.

Strategi yang bertujuan memudahkan mereka melabur dalam ASN akan dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, esok.

Sumber-sumber ASN memberitahu, di bawah strategi itu, ASN akan melantik seorang wakil terdiri sama ada ketua kampung atau ketua masyarakat untuk mengedarkan borang pelaburan pokok untuk pelabur-pelabur luar bandar.

"Setelah borang diisi dengan lengkap dan dikumpulkan, pegawai ASN sendiri akan mengambil semua borang itu untuk diproses."

Katanya, cara yang sama juga akan digunakan untuk kakitangan sektor kerajaan dan swasta.

Di sektor kerajaan dan swasta, tambah sumber-sumber itu, ketua jabatan dan majikan diminta memberikan kerjasama dengan mengedarkan borang pelaburan kepada kakitangan Bumiputera dan mengumpulkannya setelah semua borang itu diisi dengan lengkap.

## Melabur

"Selepas itu semua urusan pelaburan akan dikendalikan oleh pegawai ASN yang akan datang mengambil kesemua borang itu dan memprosesnya tanpa menggunakan ejen-ejen yang telah dilantik.

Tetapi mereka masih boleh melabur dalam ASN menerusi ejen-ejen yang sedia ada seperti di pejabat pos, Malayan Banking Berhad dan UMBC.

Katanya, strategi baru ini dirangka untuk memudahkan bakal-bakal pelabur melabur dalam ASN tanpa menyusahkan diri untuk pergi ke ejen-ejen yang dilantik itu.

Adalah difahamkan, sejak rancangan itu dilancarkan dua tahun

lalu, sambutan dari Bumiputera di sektor swasta kurang memuaskan berbanding dengan sektor awam.

Dari jumlah 1.4 juta Bumiputera yang layak melabur dalam ASN, hanya 350,000 telah menyertainya, sebilangan besar terdiri kakitangan sektor awam.

Menurut sumber itu lagi, meskipun strategi ini dirangka untuk menambahkan penyertaan Bumiputera, ianya menumpukan perhatian kepada kakitangan di sektor swasta.

Katanya, kesemua majikan di sektor itu diminta memberikan kerjasama untuk menggalakkan kakitangan Bumiputera melabur di bawah rancangan ini.

Sebelum ini, ASN menjalankan gerakan untuk menarik pelaburan dengan mengadakan ceramah di kawasan luar bandar, jabatan-jabatan kerajaan dan firma-firma swasta.

Sumber-sumber itu menjelaskan, langkah ini tidak begitu berkesan kerana jumlah pelaburan yang diperolehi terlalu kecil sedangkan ia memerlukan tenaga pekerja dan kos gerakan yang tinggi.

Katanya, strategi pemasaran terbaru ini juga dijangka dapat mengurangkan tenaga kerja dan kos gerakan untuk menarik pelabur, kerana ianya hanya melibatkan kakitangan ASN sahaja.